

# Masjid Kampung Parit Tengah kembali pulih

Imam terharu sokongan sukarelawan NSTP bersihkan kawasan ditenggelami banjir

Oleh Mohd Azis Ngah

**B**ATU PAHAT: Program hari terakhir misi bantuan mangsa banjir pasukan sukarelawan Kumpulan The New Straits Times Press (M) Berhad (NSTP) semalam tiba di kemuncaknya dengan aktiviti membersihkan Masjid Jamek Kampung Parit Tengah, di sini.

Masjid itu yang mula beroperasi sejak 2001 ditenggelami air ketika banjir fasa kedua dan sehingga semalam belum dapat digunakan kerana kotor dibanjiri lumpur serta sampah.

Semalam, satu daripada tiga pasukan sukarelawan NSTP diketuai Pengurus Komunikasi Korporat NSTP, Wan Abdillah Wan Nawi bersama penduduk kampung membersihkan kawasan.

Aktiviti dua jam sehingga jam 6 petang itu membabitkan kawasan dalam masjid termasuk membersihkan lantai, permaidani serta kawasan longkang dan sekeliling masjid.

Satu kawasan perkuburan menampung kira-kira 300 kubur terletak di kawasan masjid juga ditenggelami air.

Ketua Kampung yang juga imam masjid berkenaan, Tansor Nawas yang terharu dengan sokongan sukarelawan NSTP membantu membersihkan masjid itu berkata, penduduk di situ tentu selesa menunaikan ibadah selepas ini.

"Terima kasih kerana membantu membersihkan rumah Allah ini, semoga kita semua diberkati dan dijauhi dari segala bencana. Ini adalah dugaan Allah.

"Sejak banjir fasa kedua, masjid itu dinaiki air dan tidak boleh diguna-



**AMALAN TERPUJI:** Sukarelawan Misi bantuan banjir NSTP bergotong-royong membersihkan Masjid Parit Tengah, Batu Pahat, semalam.

kan, tetapi sejak dua hari lalu air semakin surut, jadi barulah kita boleh gunakan," katanya.

Ketika sukarelawan tiba di situ, daun kering berlonggok di dalam masjid dan kawasan sekitar, manakala sampah sarap dan batang kayu hanyut juga bersepah di merata tempat.

Pasukan sukarelawan juga membantu membersihkan permaidani kotor terkena najis haiwan yang dipercayai terperangkap ketika kawasan masjid ditenggelami air.

**“**Terima kasih kerana membantu membersihkan rumah Allah ini, semoga kita dijauhi dari segala bencana”

**Tansor Nawas**  
Imam masjid Masjid Kampung Parit Tengah

Pagi semalam, sebelum pasukan sukarelawan NSTP bergerak keluar dari hotel, kami dimaklumkan nenek kepada Wan Abdillah meninggal dunia tengah malam kelmarin dan bertafakur sebentar dengan menghadiahkan bacaan Al-Fatihah kepada arwah yang sakit tua dan kencing manis.

Pada majlis gotong royong itu, NSTP juga memberikan sumbangan sejadah, manakala selebriti Raja Azura turut hadir menyampaikan sumbangan telekung untuk wanita.